

Rasuah: 2 bekas T. Menteri ke Mahkamah-PM

KUALA LUMPUR, Isnin — Hanya seorang anggota Exco dan dua bekas Timbalan Menteri Kewangan Negeri dituduh di Mahkamah kerana rasuah antara tahun 1978 hingga September lalu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad memberitahu Dewan Rakyat hari ini, bekas ahli Exco itu dibicarakan di Melaka sementara kedua Menteri Kewangan diadili di Sabah.

Ahli Exco berkenaan telah didapati bersalah sementara kes kedua bekas Menteri Kewangan Negeri masih ditangguhkan sekarang.

Datuk Seri Dr. Mahathir menjelaskan demikian kepada pertanyaan Encik Fung Ket Wing (DAP-Sandakan).

Menjawab soalan tambahan Encik Ismail Said (BN-Kemaman), Perdana Menteri menegaskan memang amalan rasuah di negara ini terlalu kecil.